

63 pelajar cemerlang terima biasiswa Maybank

Oktober 9, 2025 @ 4:11pm



Sebahagian 63 pelajar cemerlang yang menerima Biasiswa Kumpulan Maybank 2025. Gambar ihsan Maybank


KUALA LUMPUR: Seramai 63 pelajar cemerlang menerima biasiswa menerusi Program Biasiswa Kumpulan Maybank (MGSP) bagi tahun 2025 pada majlis khas yang diadakan di Menara Maybank, Kuala Lumpur.

Daripada jumlah itu, 61 pelajar akan menyambung pengajian di universiti awam terkemuka dalam negara, manakala dua lagi akan melanjutkan pelajaran ke United Kingdom, termasuk seorang yang akan menjadi sarjana pertama Maybank ke Universiti Cambridge.

Maybank dalam kenyataan medianya berkata, program MGSP adalah bukti komitmen teguh kumpulan itu dalam melahirkan pemimpin masa hadapan.

Sejak dimulakan pada 1972, ia sudah membantu lebih 2,100 anak muda melanjutkan pengajian tinggi di universiti terkemuka tempatan dan antarabangsa.

ADVERTISEMENT





| DISYORKAN

- **Scholes mahu Howe ganti Amorim**
- **9 rakyat Palestin maut ditembak Israel walaupun persetujuan gencatan senjata diumumkan**
- **Ibu maut anak cedera nahas motosikal, kereta**
- **Dua pelancong China hilang, kali terakhir dilihat snorkeling di Pulau Mantanani**

Pengerusi Kumpulan Maybank dan Yayasan Maybank, Tan Sri Ir Zamzamzairani Mohd Isa, berkata adalah menjadi komitmen berterusan Maybank dalam membentuk masa hadapan melalui pendidikan.

"Pendidikan adalah enjin mobiliti sosial yang paling berkuasa, ia membuka peluang, memutuskan kitaran kemiskinan, dan membolehkan golongan muda bermimpi tanpa batasan.

"Cendekiawan kami bukan sekadar penerima bantuan, bahkan juga duta kepada nilai-nilai dan masa hadapan Maybank.

"Program MGSP menggariskan komitmen berterusan Maybank terhadap pendidikan sebagai pemangkin kemajuan jangka panjang, melahirkan pemimpin yang berkeupayaan dan bertanggungjawab untuk membentuk masa hadapan yang lebih saksama dan mampan," katanya dalam majlis berkenaan.

Tambahnya, program biasiswa itu juga seiring dengan peranan Maybank dalam membawa perubahan positif kepada komuniti serta mengukuhkan misi untuk membina masa depan lebih mampan dan inklusif.

Jumlah 63 pelajar yang menerima biasiswa berkenaan dipilih daripada lebih 4,000 permohonan yang diterima. Setiap calon dinilai secara menyeluruh dan teliti berdasarkan kecemerlangan akademik, pencapaian kokurikulum, keupayaan kepimpinan, dan latar belakang peribadi termasuk keperluan kewangan.

Proses pemilihan termasuk temu bual dan penilaian terperinci, memastikan hanya pelajar yang paling layak dan berpotensi disyorkan untuk biasiswa tahun ini.

Biasiswa Maybank menawarkan lebih daripada tajaan yuran pengajian dan elaun. Penerima mendapat akses kepada peluang jaringan eksklusif dan latihan amali dalam Kumpulan Maybank.

Selepas tamat pengajian, semua penerima ditawarkan jawatan dalam Kumpulan Maybank, memupuk kitaran pertumbuhan, sumbangan dan pembangunan kepimpinan dalam organisasi.